

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta PERDANA MENTERI menyatakan peratusan wanita dan lelaki yang telah berjaya mendapatkan akses bantuan guaman (*legal aid*) sehingga tahun 2014, serta apakah insentif yang diberikan kepada peguam yang terlibat dalam membantu Kerajaan dalam memberikan bantuan ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat dua (2) agensi yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman iaitu:

- (i) Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang merupakan jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri; dan
- (ii) Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang merupakan syarikat berhad menurut jaminan yang bersifat khairat.

2. Selain itu, Pusat Bantuan Guaman di bawah kelolaan Majlis Peguam Malaysia turut memberikan bantuan guaman di Semenanjung Malaysia. Manakala di Sabah dan Sarawak pula, bantuan guaman diberikan masing-masing melalui Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak.

3. Dari tahun 2012 hingga 2014, seramai 180,078 orang telah mendapat perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan oleh JBG. Daripada jumlah ini, 30.4% atau 54,683 orang adalah lelaki dan 69.6% atau 125,395 orang adalah wanita.

4. Pada tahun 2014, jumlah perkhidmatan bantuan guaman kepada warganegara Malaysia yang diberikan oleh Peguam Panel yang berdaftar dengan YBGK ialah 116,180 orang, meliputi 95.7% atau 111,173 orang lelaki dan 4.3 % atau 5,007 orang wanita.

5. Sehingga Disember 2014, jumlah peguam panel JBG adalah seramai 356 orang manakala jumlah peguam panel YBGK adalah seramai 1,499 orang. Kadar bayaran kepada Peguam Panel JBG adalah berdasarkan Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970 [*P.U.(A) 299/1970*]. Sementara itu, kadar bayaran kepada Peguam Panel YBGK ditentukan oleh Lembaga Pengarah YBGK.

Sekian, terima kasih.